

BERITA HARIAN  
29 APRIL 2016 (JUMAAT)  
(m/s 40)

PTPTN

## Pemberian diskaun galak pelajar bayar pinjaman

Tahniah kepada MARA kerana pada awal April lalu mengumumkan diskaun 20 peratus lagi kepada peminjam yang ingin memulangkan pinjaman secara penuh. Memang banyak diskaun diberikan kepada peminjam. Saya berharap waris dan peminjam MARA mengambil peluang ini bagi memudahkan pembayaran dan tidak terbeban.

Pada 7 April lalu, saya ingin melangsaikan hutang pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) anak secara penuh

dan bertanya jika terdapat diskaun. Pegawai bertugas mengatakan tiada diskaun ketika ini. Saya juga bertanyakan berbhubung surat kepada peminjam/waris yang saya terima kali terakhir pada 3 Disember 2007 sedangkan kos pentadbiran dikenakan pada setiap bulan.

### Hantar penyata pinjaman

Saya berpendapat inilah antara sebab PTPTN sukar untuk mendapatkan semula hutang. Walaupun peminjam boleh mengakses maklumat daripada laman web disediakan te-

tapi waris tidak mengetahui perkara ini.

Justeru, wajar penyata pinjaman dihantar sekurang-kurangnya setahun sekali kepada waris peminjam untuk memastikan mereka prihatin mengenai pinjaman anak mereka kerana selama ini waris menganggap bahawa anak mereka sudah membayarnya secara beransur-ansur. Oleh itu wajar jika kos pentadbiran dikenakan setiap bulan dan sesuai dengan moto PTPTN iaitu Rakyat Didahulukan Prestasi Diutamakan.!

Kepada MARA dan PTPTN, saya berharap diskaun hendaklah diberikan tanpa had tempoh masa.

Saya pasti dengan cara ini bilangan yang melangsaikan hutang akan bertambah. Contohnya MARA mengehendkan tempoh diskaun sehingga Disember 2016 sahaja. Bagaimana jika waris/peminjam hanya mempunyai wang pada Februari 2017 dan ingin melangsaiannya?



**Zalita Osman,**  
Kuala Kubu Bharu



## “PEMBERIAN DISKAUN GALAK PELAJAR BAYAR PINJAMAN”

Aduan daripada Zalita Osman, Kuala Kubu Bharu yang disiarkan di dalam akhbar Berita Harian pada Jumaat 29 April 2016 adalah dirujuk.

Rebat 10% dan diskaun 20% diberikan kepada peminjam PTPTN melalui pengumuman bajet 2013 dan 2015 sebagai insentif dan galakan untuk peminjam membuat bayaran balik di dalam tempoh yang ditetapkan.

Namun begitu, masih terdapat insentif-insentif yang boleh dinikmati oleh peminjam PTPTN, antaranya :

- i. Pelepasan bayaran balik bagi peminjam yang memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Pertama;
- ii. Bayaran balik tanpa Ujrah 1% bagi peminjam yang membuat bayaran balik dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamat pengajian; dan
- iii. Kos Ujrah lebih rendah bagi peminjam yang membuat bayaran balik lebih awal daripada tempoh bayaran balik yang ditetapkan.

Mulai tahun 2013 bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, PTPTN telah melaksanakan penambahbaikan dengan menyediakan kemudahan membuat semakan penyata pinjaman pada bila-bila masa melalui *online*. Dengan ini, penyata kira-kira tidak lagi dihantar kepada peminjam. Ia juga bagi mengatasi masalah penyata yang tidak sampai kepada peminjam kerana alamat yang tidak dikemaskini oleh mereka.

PTPTN mengucapkan terima kasih di atas komen yang telah diberikan. Kualiti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada para pelanggan sentiasa dipertingkatkan. Pandangan serta cadangan juga amat dialu-alukan dan boleh disalurkan melalui [icare.ptptn.gov.my](http://icare.ptptn.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**Rina Abd Rahman**

Pegawai Perhubungan Awam

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional